

SEKTOR PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL (SISA KLINIKAL) (PKP)

Merangkumi

OPERASI KONTRAKTOR PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL (SISA KLINIKAL – SW404)

- Pengangkutan buangan terjadual (BT) daripada Fasiliti Kesihatan diangkut ke Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual (PYDT BT) yang dilesenkan oleh JAS bagi tujuan rawatan / pelupusan (*disposal*).
- Pengendalian / Penyimpanan / Penstoran / Rawatan / Pelupusan BT perlu mengikut kaedah yang ditetapkan
- Sisa Klinikal perlu dirawat dalam hari yang sama. Tiada *backlog* dibenarkan.
- Semua PYDT BT mengaktifkan ERP masing-masing. Sebarang kerosakan pada peralatan rawatan termasuk sistem kawalan pencemaran perlu dibaiki segera.
- Premis PYDT BT perlu dipastikan beroperasi untuk merawat / melupuskan Sisa Klinikal.
- Pengangkutan keluar *residue* (SW501) (jika berkenaan) untuk pelupusan akhir ke PYDT BT yang ditetapkan.

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Mematuhi arahan kawalan keselamatan / kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) & Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Waktu Beroperasi	24 jam	Waktu Kutipan / Pengangkutan	24 jam	Kapasiti Pekerja	100% (bilangan pekerja diminimumkan mengikut keperluan sebenar di lapangan)
-------------------------	--------	-------------------------------------	--------	-------------------------	---

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE) yang lengkap	Memastikan pengendali buangan terjadual perlu memakai pelitup muka (<i>face mask</i>), but dan sarung tangan (<i>glove</i>) yang lengkap.
Penyediaan QR Code bagi pendaftaran	Majikan wajib menyediakan QR Code dan buku pendaftaran di kawasan yang tidak mempunyai capaian internet yang mengandungi nama, nombor telefon, tarikh dan masa tiba di premis (bacaan suhu tidak perlu direkodkan).
Penjarakan fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter setiap masa semasa bertugas.
Penggunaan <i>hand sanitizer/ disinfection</i>	Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> , mencuci tangan dengan sabun atau pembersihan diri selepas pengendalian buangan terjadual.
Pemeriksaan suhu badan pekerja dan saringan gejala	Memeriksa suhu badan pekerja dan melakukan saringan gejala pada waktu mula bekerja. Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius dan/atau mempunyai gejala seperti sakit tekak, batuk, selsema dan susah bernafas tidak dibenarkan bertugas.
Pembersihan dan sanitasi kawasan premis	Menyahkuman semua kawasan penstoran, pengangkutan, lori pengangkut, perkakasan / peralatan selepas pengendalian buangan



SEKTOR PENGURUSAN BUANGAN TERJADUAL (PKP)

Merangkumi

OPERASI KONTRAKTOR PELUPUSAN BUANGAN TERJADUAL DARI PREMIS INDUSTRI ESSENTIAL

- **Pengangkutan buangan terjadual (BT)** daripada premis industri (*Essential Services*) untuk diangkut ke Premis Yang Ditetapkan Buangan Terjadual (PYDT BT) yang dilesenkan oleh JAS bagi tujuan rawatan / pelupusan (disposal).
- **Pengendalian/ Penyimpanan/ Penstoran/ Rawatan/ Pelupusan BT** perlu mengikut kaedah yang ditetapkan.
- **Penyenggaraan:** Sebarang kerosakan pada mana-mana peralatan rawatan termasuk alat kawalan pencemaran perlu dibaiki segera.
- **Operasi:** Premis PYDT BT beroperasi untuk merawat / melupuskan BT yang dikutip.

Aktiviti Yang Tidak Dibenarkan

- Sila rujuk kepada perkara yang disenaraikan dalam senarai aktiviti yang dilarang.
- Tidak beroperasi di zon kuning dan merah melainkan terdapatnya kes kecemasan (melibatkan pembersihan pelupusan haram BT atau kebocoran / limpahan) dengan langkah kawalan keselamatan yang lengkap.

Arahan Tetap

- Peraturan 16 P.U. (A) 265/2021.
- Akta 342.
- Ordinan Darurat (Pencegahan dan Pengawalan Penyakit Berjangkit) (Pindaan) 2021.
- Mematuhi arahan kawalan keselamatan / kesihatan yang dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN) & Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).
- Mematuhi Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya.

Waktu Beroperasi	Mengikut Syarat Lesen	Waktu Kutipan/ Pengangkutan	Mengikut Syarat Lesen	Kapasiti Pekerja	100% (bilangan pekerja diminimumkan mengikut keperluan sebenar di lapangan)
-------------------------	-----------------------	------------------------------------	-----------------------	-------------------------	---

AKTIVITI DAN PROTOKOL

Tindakan	Penerangan Ringkas
Pemakaian peralatan perlindungan diri (PPE) yang lengkap	Memastikan pengendali buangan terjadual perlu memakai pelitup muka (<i>face mask</i>), but dan sarung tangan (<i>glove</i>) yang lengkap.
Penjarakan fizikal	Memastikan penjarakan fizikal 1 meter setiap masa semasa bertugas.
Penggunaan <i>hand sanitizer</i> / disinfection	Mewajibkan penggunaan <i>hand sanitizer</i> , mencuci tangan dengan sabun atau pembersihan diri selepas pengendalian buangan terjadual.
Pemeriksaan suhu badan pekerja dan saringan gejala	Memeriksa suhu badan pekerja dan melakukan saringan gejala pada waktu mula bekerja. Pekerja yang mempunyai suhu melebihi 37.5 Celcius dan/atau mempunyai gejala seperti sakit tekak, batuk, selsema dan susah bernafas tidak dibenarkan bertugas.
Pembersihan dan sanitasi kawasan premis	Menyahkan semua kawasan penstoran, pengangkutan, lori pengangkut, perkakasan / peralatan selepas pengendalian buangan.